

# **PERLAKSANAAN PENGAJARAN MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAERAH BEAUFORT, SABAH**

Nor Fadila Mohd Amin & Joelymond Bin Raymund  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**ABSTRAK:** Kajian yang berbentuk deskriptif tinjauan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup. Kajian ini dijalankan di 7 buah sekolah di seluruh Daerah Beaufort, Sabah. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik. Satu set borang soal selidik yang mengandungi 72 soalan telah diedarkan. Seramai 26 orang responden terlibat dalam kajian ini iaitu guru-guru yang mengajar Kemahiran Hidup Bersepadu. Data-data mentah dikumpul dan seterusnya dianalisis untuk memperolehi dapatan hasil kajian menggunakan perisian Komputer SPSS Window Version 12 (Statistical Package For Social Science). Kaedah peratusan dan frekuensi digunakan untuk menjelaskan kedudukan dapatan kajian. Hasil dapatan menunjukkan tahap pelaksanaan pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) adalah sederhana. Secara keseluruhan, tahap pengetahuan guru adalah baik. Bagaimanapun, tahap kemahiran guru pula adalah sederhana. Manakala penggunaan kaedah pengajaran guru yang paling kerap adalah kaedah simulasi. Selain itu, tahap kemudahan fizikal bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup adalah sederhana.

**ABSTRACT:** The purpose of this research was to identify the perception of teacher on the teaching implementation of Living Skills. The research instrument used was questionnaire which comprised 72 items. The respondents of the research were 26 teachers from each secondary school in the district of Beaufort, Sabah. The data was analyzed by using Statistical Package For Social Science, version 11.5 (SPSS 11.5 program) for percentages and frequency values. Research showed that the level of knowledge among teacher was good. However, their level of skill was moderate. The most frequent teaching method used was simulation. Besides, the research also showed that the level of physical facilities of the Living Skills was moderate.

Kata Kunci: Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB), Kemahiran Hidup (KH), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)

## **INTRODUCTION**

Rekabentuk mata pelajaran Kemahiran Hidup ini telah dilaksanakan sepenuhnya di sekolah mulai tahun 1991 yang bercorak pra-vokasional dan menitikberatkan teori pembelajaran dan kerja praktis (Wan Zahid Mohd. Nordin, 1991).

Mata pelajaran KHB ini juga adalah bertujuan untuk membekalkan pelajar dengan kemahiran asas bagi membolehkan pelajar bertindak dan mengendalikan hidup secara produktif di dalam dunia teknologi dan perdagangan yang kompleks dan sentiasa berubah (Yahya Emat, 1993).

## **Pernyataan Masalah**

Mata pelajaran Kemahiran Hidup yang diajar di sekolah menengah adalah bertujuan melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi dan ekonomi serta kreatif, berinisiatif dan yakin diri dalam keadaan teknologi yang sentiasa berubah untuk kehidupan harian (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Namun demikian, hasrat dan cita-cita kerajaan mungkin tidak akan kesampaian sekiranya permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran tidak diberi perhatian yang sewajarnya

Sehubungan dengan itu, kajian terhadap pelaksanaan dalam pengajaran mata pelajaran ini adalah perlu dengan membuat tinjauan terhadap persepsi guru – guru mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Dalam kajian ini, penyelidik akan menjalankan tinjauan di kalangan guru – guru mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di daerah Beaufort berkenaan dengan pelaksanaan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dari segi:

- i. Pengetahuan dan kemahiran guru.
- ii. Kaedah pengajaran guru.
- iii. Kemudahan fizikal sekolah.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah – sekolah menengah harian dengan membuat tinjauan terhadap persepsi guru – guru mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di daerah Beaufort, Sabah. Objektif utama kajian ini pula adalah untuk:

- 1 Mengenalpasti tahap pengetahuan dan kemahiran guru – guru dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah – sekolah menengah harian Beaufort, Sabah.
- 2 Mengenalpasti kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah – sekolah menengah harian Beaufort, Sabah.
- 3 Mengenalpasti tahap kemudahan fizikal bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah – sekolah menengah harian Beaufort, Sabah.

### **Kepentingan Kajian**

#### **Guru – guru di sekitar Daerah Beaufort, Sabah**

Guru – guru di sekitar Daerah Beaufort, Sabah akan dapat mengenalpasti keperluan pengetahuan dan kemahiran yang perlu ada dalam diri mereka bersesuaian dengan objektif mata pelajaran Kemahiran Hidup melalui hasil kajian. Guru – guru juga akan dapat mengenalpasti kaedah pengajaran yang paling sesuai bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup melalui hasil kajian ini.

Selain itu, guru – guru yang baru dalam profesion pendidikan bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup juga akan dapat mempertingkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup dari masa ke semasa.

#### **Pihak pentadbiran sekolah**

Pihak pentadbiran sekolah akan dapat menggunakan hasil kajian ini untuk memastikan pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dapat dilaksanakan di sekolah dengan berkesan contohnya, dari segi penyediaan kemudahan fizikal dalam kelas dan bengkel Kemahiran Hidup.

#### **Pejabat Pendidikan Daerah Beaufort, Jabatan Pendidikan Negara Sabah dan Kementerian Pelajaran Sabah.**

Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negara juga boleh menggunakan hasil kajian ini untuk membuat pemantauan dan perancangan yang perlu bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup dilaksanakan dengan berkesan.

Disamping itu, kajian ini juga dapat menjadi sumber rujukan kepada pihak-pihak Kementerian Pendidikan khususnya Jabatan Pendidikan Negara mengadakan kursus – kursus yang berfaedah untuk guru – guru Kemahiran Hidup dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi mencapai matlamat pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup.

### **Skop Kajian**

Kajian ini hanya terbuka kepada guru – guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah - sekolah menengah harian di Daerah Beaufort, Sabah. Oleh kerana kajian yang dijalankan adalah hanya dibuat di Daerah Beaufort, Sabah maka keputusan kajian tidak akan digunakan untuk keseluruhan negara.

## **METODOLOGI**

### **Prosedur Persampelan**

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada guru – guru di sekolah – sekolah menengah harian di 7 buah sekolah menengah harian sekitar daerah Beaufort dengan bilangan populasi seramai 26 orang guru keseluruhannya.

Dalam kajian ini, seramai 26 orang guru diambil sebagai sampel dan sampel ini meliputi populasi kajian dimana semua guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di tempat kajian diambil sebagai responden.

### **Instrumen Kajian**

Menurut Mohd Majid Konting (1993), soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Oleh yang demikian, penyelidik merasakan kaedah ini adalah merupakan kaedah yang paling sesuai untuk mendapatkan maklumat serta data-data daripada responden. Hal ini kerana:

- i. Melalui kaedah soal-selidik, responden lebih berani memberi tindakbalas terhadap aspek yang dikaji berbanding dengan kaedah temubual.
- ii. Kaedah ini juga adalah lebih cepat serta boleh menjimatkan masa dan perbelanjaan. Dengan ini, banyak masa, tenaga dan kos boleh digunakan untuk tujuan kerja-kerja lain yang berkaitan dengan kajian ini.

Penyelidik memilih soal selidik sebagai instrumen kajian berdasarkan faktor – faktor berikut:

- i. soal selidik dapat memperolehi data dengan lebih tepat dan penyelidik berkeyakinan bahawa responden dapat memberikan tindakbalas yang berkesan terhadap aspek yang dikaji berbanding dengan kaedah lain.
- ii. Soal selidik boleh membantu penyelidik berhubung dengan responden dengan lebih cepat.
- iii. Soal selidik boleh menjimatkan masa, tenaga serta perbelanjaan penyelidikan.

### **Kajian Rintis**

Sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji membuat satu kajian terhadap 10 orang yang berpengalaman dan pernah mengajar dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup. Hanya sepuluh orang

responden yang dipilih dalam kajian rintis ini kerana pengkaji ingin menjimatkan kos dan masa pada sepanjang kajian. Tujuan mengadakan kajian rintis tersebut adalah untuk:

- a) Kefahaman responden tentang kehendak soalan, tatabahasa, kejelasan dan seterusnya kebolehpercayaan sesuatu item soal selidik tersebut
- b) Mengetahui jangkamasa yang digunakan oleh responden untuk menjawab semua item yang terkandung dalam soal selidik tersebut.
- c) Menguji keesahan dan kebolehpercayaan item-item yang dikemukakan.
- d) Memperbaiki sebarang kelemahan yang timbul semasa kajian rintis ini dijalankan.

Responden dikehendaki menjawab semua soalan dan seterusnya memberi pandangan mereka terhadap soal selidik tersebut. Pandangan mereka akan dijadikan sebagai panduan dalam memperbaiki soal selidik tersebut jika perlu.

Setelah analisis dijalankan ke atas kajian ini, didapati nilai alpha yang diperolehi ialah 0.9165. Menurut Ahmad Mahzan (1991), kebolehpercayaan Alpha Cronbach di tahap yang baik ialah 0.667. Ini menunjukkan bahawa instrumen soal selidik adalah mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan akan diteruskan untuk kajian sebenar. Maka nilai yang diperolehi penyelidik adalah sebagai nilai yang membolehkan penyelidikan diteruskan tanpa perubahan.

### **Batasan Kajian**

Pada sepanjang proses penyelidikan ini, halangan – halangan yang dihadapi dalam mendapatkan jawapan kajian adalah melibatkan kos, masa dan jarak. Jarak antara sekolah yang berjauhan menyukarkan penyelidik mendapatkan borang soal selidik dalam masa yang cepat. Masa yang ada untuk berjumpa dengan para responden juga adalah terhad kerana kesibukan kerja. Kos untuk mendapatkan jawapan kajian ini adalah tinggi kerana jarak antara sekolah dengan tempat tinggal semasa penyelidik iaitu di Universiti Teknologi Malaysia.

### **PERBINCANGAN**

Tahap pengetahuan guru – guru Kemahiran Hidup di sekolah menengah daerah Beaufort adalah baik. Berdasar lima bahagian dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup yang disenaraikan dalam sukatan pelajaran, guru mempunyai tahap pengetahuan yang baik dalam topik – topik pada bahagian Perdagangan dan Keusahawanan, Rekabentuk dan Teknologi serta Pertanian. Tahap pengetahuan guru pada bahagian Ekonomi Rumah Tangga dan Kemahiran Teknikal pula adalah sederhana.

Tahap kemahiran guru – guru bagi pengajaran amali pula adalah sederhana. Guru – guru mempunyai tahap kemahiran yang baik pada topik – topik dalam bahagian Pertanian. Namun begitu, tahap kemahiran guru – guru dalam bahagian Rekabentuk dan Teknologi pula adalah sederhana. Tahap kemahiran guru pada bahagian Ekonomi Rumah Tangga dan Kemahiran Teknikal pula adalah lemah.

Kaedah pengajaran guru – guru di sekolah menengah daerah Beaufort adalah tidak dipelbagaikan. Guru seharusnya mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran KHB kerana keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas disebabkan oleh pelbagai faktor seperti pelajar, fizikal dan kandungan pelajaran.

Kemudahan fizikal yang disediakan di sekolah – sekolah menengah daerah Beaufort pula adalah pada tahap sederhana terutamanya penyediaan kemudahan fizikal dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup

## RUMUSAN

Keberkesanan pelaksanaan pengajaran adalah penting dalam memastikan peningkatan kualiti pelajar. Untuk memastikan perkara tersebut tercapai, faktor pengetahuan dan kemahiran, kaedah pengajaran dan kemudahan fizikal hendaklah dititikberatkan agar pelaksanaan pengajaran dan mata pelajaran Kemahiran Hidup dapat dijalankan dengan berkesan.

Oleh yang demikian, pihak-pihak yang berkaitan perlulah berusaha dan memikirkan cara yang terbaik untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh guru Kemahiran Hidup dalam pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup. Diharapkan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan penyelidik mampu memberi panduan kepada pihak-pihak yang terlibat bagi mengatasi masalah tersebut.

## RUJUKAN

- Abd. Ghafar Md. Din, 2003. "Prinsip dan Amalan Pengajaran". Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, 2000. "Wawasan dan Agenda Pendidikan". Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributor Sdn Bhd.
- Abdul Rahman Md Aroff, Chang Lee Hoon, 1994. "Pendidikan moral". Kuala Lumpur : Longman, 1994.
- Atan Long (1981)," *Psikologi Pendidikan*". Kuala Lumpur .Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ee Ah Meng. (1992). "Psikologi Dalam Bilik Darjah." Kuala Lumpur: Fajar Bakti. Economic Planning Unit of Prime Minister's Department and Asian Development
- Bank (1990). *Asian Review of Business And Technology*. Bil 14. 5 – 6. Esah Sulaiman, 2003. "Amalan Profesionalisme Perguruan". Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ibrahim Abu Samah (1995). "Pengurusan Sekolah Suatu Paduan Lengkap." Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd.
- Lee Shok Mee (1991). "Asas Pendidikan Psikologi dalam Bilik Darjah" Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rashidi dan Abd.Razak.(1996). Pengajian Dalam Bilik Darjah."Kaedah Dan Strategi". Kajang Selangor.Penerbit Masa Enterprise.
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin (1991). Reformasi Pendidikan dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah : Isu dan Cabaran, dalam Mohd. Idris Jauzi (eds.), Reformasi Pendidikan di Malaysia, Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Yahya Emat (1993). "Pendidikan Teknik dan Vokasional." Petaling Jaya: IBS Buku. Zalina Yahya. 9 September 1996. " 13 Kelemahan KBSM". Utusan Malaysia, Kuala Lumpur : 29